

Majlis

Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP)

Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah menubuhkan 222 buah Majlis Pembangunan Pertanian Kawasan Parlimen (MPPP) di 222 buah kawasan Parlimen bagi merancang, menyelaras dan memantau program / projek pertanian disetiap kawasan parlimen. Majlis ini juga melibatkan penglibatan Kerajaan, Ahli Politik dan Swasta (NGO) bagi mencapai kata sepakat mewujudkan projek pertanian yang sesuai di kawasan parlimen berkenaan.

Objektif MPPP adalah untuk memaklumkan kepada semua pihak berkepentingan dalam kawasan pertanian tentang program-program pertanian yang dilaksanakan di kawasan parlimen masing-masing, mendapatkan idea-idea berhubung dengan projek-projek tanaman, perikanan, ternakan dan industri asas tani yang boleh dilaksanakan di kawasan parlimen dengan mengambilkira sumber-sumber yang ada, mengenalpasti dan menyelesaikan masalah di peringkat pelaksanaan projek-projek tanaman, perikanan, ternakan dan industri asas tani dengan lebih cepat dan berkesan, dapat melaporkan

dengan segera segala perkembangan projek kepada pihak Kementerian dan dapat membantu agensi di bawah MOA dalam memantau pelaksanaan projek-projek pertanian, perikanan, ternakan dan industri asas tani di kawasan parlimen masing-masing.

Dalam tahun 2010, LPP diberi tanggungjawab sebagai urusetia majlis bagi 147 buah MPPP seluruh Malaysia. Peruntukan sebanyak RM 14.7 juta telah berjaya disalurkan kepada MPPP bagi menjalankan projek-projek pertanian di Kawasan Parlimen bagi membangunkan ekonomi dan sosial keluarganya. Maklumat terperinci adalah seperti yang ditunjukkan di **Jadual 30**.

Jadual 30 : Status Penyaluran Peruntukan MPP bagi Tahun 2010

Bil	Negeri	Bil. Kawasan Parlimen	Peruntukan yang disalurkan (RM)
1.	Perlis	2	200,000
2.	Kedah	9	900,000
3.	Pulau Pinang	8	800,000
4.	Perak	21	2,100,000
5.	Selangor	13	1,300,000
6.	Melaka	6	600,000
7.	Negeri Sembilan	8	800,000
8.	Johor	24	2,400,000
9.	Pahang	14	1,400,000
10.	Terengganu	8	800,000
11.	Kelantan	9	900,000
12.	Sabah	24	2,400,000
13.	W.P. Labuan	1	100,000
JUMLAH			14,700,000

* setiap Parlimen diperuntukan sebanyak RM100,000

